



PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 2/2024

**PELAKSANAAN KAEDAH GUNASAMA ANTARA FAKULTI
(INTRA-FACULTY SERVICES) BAGI PENGURUSAN KURSUS UMUM DI FAKULTI
KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN (FKP) DAN FAKULTI HOSPITALITI,
PELANCONGAN DAN KESEJAHTERAAN (FHPK)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) Bil.5/2024 (kali ke-76) yang telah bersidang pada 16 Mei 2024 (Khamis) telah bersetuju menetapkan kaedah gunasama antara fakulti (*Intra-Faculty Services*) bagi pengurusan Kursus Umum di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) dan Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), sebagaimana ketetapan berikut:


- i. Penempatan pensyarah adalah kekal di Fakulti sedia ada.
- ii. Pensyarah boleh mengajar kursus berkaitan kepakaran di fakulti lain bertujuan untuk memastikan beban tugas mengajar dalam bidang mencukupi.
- iii. Pensyarah adalah tidak dibenarkan untuk mengajar kursus yang bukan bidang kepakaran pensyarah tersebut.
- iv. Sebarang pengagihan beban tugas pensyarah hendaklah dipersetujui oleh kedua-dua dekan fakulti yang terlibat.

3. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan berhubung perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

"ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalakan amanah,



(PROF. TS. DR. ARHAM BIN ABDULLAH)
Menjalankan Tugas (Operasi) Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Malaysia Kelantan

09 JUN 2024

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Pendaftar
 - Semua Dekan Fakulti